

KECERDASAN PELBAGAI DALAM MATA PELAJARAN

KEMAHIRAN HIDUP

HAMIDAH BINTI MOHAMED

Laporan projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional & Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

JULAI, 2012

ABSTRAK

Kecerdasan pelbagai merupakan satu elemen penting yang perlu dikenalpasti dalam diri pelajar sejak awal persekolahan lagi, matlamatnya ialah bagi melahirkan modal insan yang sempurna disamping kecerdasan – kecerdasan yang lain. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pola kecerdasan pelbagai di kalangan pelajar Kemahiran Hidup Bersepadu. Kajian ini juga melibatkan 153 orang responden sebagai sampel secara rawak berlapis daripada jumlah populasi seramai 854 orang responden daripada sebuah sekolah menengah. Satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B telah diedarkan kepada responden. Soal selidik Bahagian B mengandungi 53 item yang berkenaan dengan kecerdasan pelbagai yang telah diperolehi daripada Sulaiman, T. Et. al (2011) dan dimurnikan semula bersesuaian dengan kajian. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan Model Rasch dengan perisian *Winsteps* Versi 3.69.1.11 untuk mendapatkan *variable map*, purata tahap persetujuan, logit dan nilai *item measure* dan DGF (*Differential Group Functioning*) bagi menjawab setiap soalan kajian populasi dan sampel. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keseluruhan responden mempunyai logit diantara -1 hingga 1. Terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan responden berdasarkan jantina dan elektif iaitu intrapersonal $t = 5.83$ ($p = 0.00$), linguistik $t = 2.42$ ($p = 0.02$) dan natrulis nilai $t = -3.67$ ($p = 0.00$).

ABSTRACT

Multiple intelligence is an important element which we need to acknowledge in every students from the early years of school, the goal is to produce a perfect human being with other intelligence. The purpose of this study is to investigate the multiple intelligences pattern of Students who study Living Skills subject. A total of 153 respondents as random layer samples from a total population of 854 respondents from one secondary school participated in this research. A set of questionnaire consisting of two sections A and B was given to the respondents. Section B of the questionnaire contains 53 items related to multiple intelligences regarding the questionnaire of Sulaiman, T. et. al (2011). Data collected were analyzed using Rasch Model measurement using winstep version 3.69.1.11 to drive variable map, the average score mean, logits, item measure in order and DGF (Differential Group Functioning) to answer the research questions. The result of this research showed almost every respondents have a logit between -1 to 1, in the context of gender difference and elective selection were significant domain. The highest multiple intelligence is interpersonal showed by a female respondent with value $t = 5.83$ ($p = 0.00$), linguistic $t = 2.42$ ($p = 0.02$) and naturalistic value $t = -3.67$ ($p = 0.00$).

KANDUNGAN

PENGESAHAN STATUS TESIS

PENGESAHAN PENYELIA

TAJUK **i**

PENGAKUAN **ii**

DEDIKASI **iii**

PENGHARGAAN **iv**

ABSTRAK **v**

ABSTRACT **vi**

SENARAI KANDUNGAN **vii**

SENARAI JADUAL **xi**

SENARAI RAJAH **xiii**

SENARAI SINGKATAN **xv**

SENARAI LAMPIRAN **xvi**

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Tujuan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Persoalan Kajian	6
1.7	Skop Kajian	7
1.8	Batasan Kajian	7
1.9	Kepentingan Kajian	8
1.10	Kerangka Konsep	9
1.11	Definisi Operasional	10
1.12	Rumusan	16

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1.	Pendahuluan	17
2.2.	Teori Kecerdasan	18
2.3.	Definisi Teori Kecerdasan	19
2.4.	Teori Kajian	20
2.5.	Kajian – Kajian Kecerdasan pelbagai	24
2.6.	Rumusan	27

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1.	Pendahuluan	28
3.2.	Reka Bentuk Kajian	28
3.3.	Kerangka Operasi Kajian	29
3.4.	Populasi	31
3.5.	Sampel	31
3.6.	Instrumen Kajian	32
3.7.	Kajian Rintis	33
3.8.	Dapatan Kajian Rintis	35
3.9.	Kaedah Pengumpulan Data	41
3.10.	Analisis Data	43
3.11.	Rumusan	44

BAB IV ANALISIS KAJIAN

4.1	Pendahuluan	45
4.2	Maklumat Demografi	45
4.3	Keputusan Analisis data	46
4.3.1	Mengenalpasti Profil Kecerdasan Pelbagai Kemahiran Hidup Bersepadu serta Pencapaian Akademik	47
4.3.2	Mengenalpasti Profil Kecerdasan Pelbagai Pelajar Kemahiran Hidup Yang Paling Dominan Dan Tidak Dominan	48
4.3.3	Mengenalpasti Kecerdasan Pelbagai Pelajar Kemahiran Hidup Yang Paling Dominan Mengikut Profil	50
4.3.4	Perbandingan Profil Kecerdasan Pelbagai Pelajar Kemahiran Hidup Berdasarkan Jantina	53
4.3.5	Perbezaan Profil Kecerdasan Pelbagai Pelajar Kemahiran Hidup Berdasarkan Jantina	61
4.4	Rumusan	62

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	63
5.2	Perbincangan	64
5.2.1.	Profil Kecerdasan Pelbagai Kemahiran Hidup Bersepadu dan Pencapaian Akademik	64
5.2.2.	Profil Kecerdasan Pelbagai Pelajar Kemahiran Hidup Yang Paling Dominan Dan Tidak Dominan	66
5.2.3.	Kecerdasan Pelbagai Pelajar	
5.2.4.	Kemahiran Hidup Yang Paling Dominan Dan Tidak Dominan Mengikut Profil	67
5.2.4.	Perbandingan Profil Kecerdasan Pelbagai Pelajar Kemahiran Hidup Mengikut Jantina	67
5.2.5.	Perbezaan Profil Kecerdasan Pelbagai Pelajar Kemahiran Hidup Berdasarkan jantina	69
5.3	Kesimpulan	69
5.4	Cadangan	70
5.4.1	Intitusi Pendidikan	70
5.4.2	Ibu Bapa	71
5.4.3	Pendidik	71
5.4.4	Pelajar	71
5.4.5	Kajian Lanjutan	72

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

1.1	Organisasi Kandungan Mata Pelajaran KHB	14
2.1	Profil Kecerdasan Pelbagai Gardner	21
3.1	Tahap Skala Likert	33
3.2	Pekali Saiz <i>Cornbach Alpha</i>	35
3.3	Ringkasan Bagi <i>Alpha Cornbach</i> , <i>Separation</i> dan <i>Person Reliability</i> Kajian Rintis	36
3.4	Ringkasan Analisis <i>Poliriti item</i>	38
3.5	Analisis Item Kajian Rintis	40
3.6	Analisis Item Yang Digugurkan	41
3.7	Analisis Data Kajian	43
4.1	Analisis Demografi Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Jantina	46
4.2	Analisis Demografi Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Elektif	46
4.3	Ringkasan Singkatan Profil Kecerdasan Pelbagai	47
4.4	Analisis Profil Kecerdasan Pelbagai dan Pencapaian Pelajar	48
4.5	Menunjukkan Logit Tertinggi, Min Logit dan PTP – PKP Yang Paling Dominan – Intrapersonal (IAP)	49
4.6	Menunjukkan Logit Tertinggi, Min Logit dan PTP – PKP Yang Paling Tidak Dominan – Linguistik (LG)	49

4.7	Analisis Perbandingan Min Logit dan PTP Berdasarkan Profil Kecerdasan Pelbagai	49
4.8	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP – Linguistik (LG)	50
4.9	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP – Kinematik (KNS)	50
4.10	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP – Naturalis (NA)	51
4.11	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP – Interpersonal (IEP)	51
4.12	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP – Muzik (MZ)	51
4.13	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP – Intrapersonal (IAP)	52
4.14	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP – Logik Matematik (LM)	52
4.15	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP – Visual Ruang	52
4.16	Rumusan Analisis Kecerdasan Pelbagai Yang Paling Dominan Mengikut Profil Berdasarkan PTP	53
4.17	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP Terhadap Responden Lelaki	53
4.18	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP Terhadap Responden Perempuan	53
4.19	Analisis Perbezaan Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP Berdasarkan Jantina	54
4.20	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Visual Ruang (VR)	54
4.21	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan	

	dan PTP PKP – Linguistik (LG)	55
4.22	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Kinestatik (KNS)	55
4.23	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Interpersonal (IEP)	55
4.24	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Intrapersonal (IAP)	55
4.25	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Muzik (MZ)	56
4.26	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Logik Matematik (LM)	56
4.27	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Natrulis (NA)	56
4.28	Analisis Rumusan Min Logit dan PTP Bagi Responden Lelaki	57
4.29	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Visual Ruang (VR)	57
4.30	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Linguistik (LG)	57
4.31	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Kinestatik (KNS)	58
4.32	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Intrepersonal (IEP)	58
4.33	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Intrapersonal (IAP)	58
4.34	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Muzik (MZ)	58
4.35	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Logik Matematik (LM)	59
4.36	Analisis Skor Logit, Tahap Persetujuan dan PTP PKP – Natrulis (NA)	59
4.37	Analisis Min Logit dan PTP PKP Bagi Responden Perempuan	59

4.38	Analisis Rumusan Perbandingan Profil Kecerdasan Pelbagai Berdasarkan Jantina	60
4.39	Analisis Rumusan Perbezaan antara t dan p berdasarkan jantina	61

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep Kajian	9
3.1	Kerangka Operasi Kajian	30
3.2	<i>Variable Map</i>	39

SENARAI SINGKATAN

TKP	-	Teori Kecerdasan Pelbagai
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PTP	-	Purata Tahap Persetujuan
RMKe - 9	-	Rancangan Malaysia Ke Sembilan.
KHB	-	Kemahiran Hidup Bersepadu
KT	-	Kemahiran Teknikal
ERT	-	Ekonomi Rumahtangga
SPN	-	Sains Pertanian
PK	-	Perdagangan dan Keusahawanan
MZ	-	Muzik
KNS	-	Kinestatik
LG	-	Linguistik
LM	-	Logik Matematik
VR	-	Visual Ruang
NA	-	Natrulis
IEP	-	Intrapersonal
IAP	-	Intrapersonal
DGF	-	<i>Differential Group Functioning</i>
PK 1	-	Penilaian Kurikulum 1

SENARAI LAMPIRAN

- A Carta Gantt
- B Rintis *Misfit Order*
- C Rintis *Correlation Order*
- D Rintis *Map Item*
- E Rintis *Measure Order*
- F DGF
- G DIF berdasarkan jantina
- H Kajian sebenar *Person Map*
- I Kajian Sebenar *Item Map*
- J Kajian sebenar *Map item & Person*
- L Surat Untuk Mendapatkan Mendapatkan Maklumat
Kajian Akademik
- M Borang Semakan Soal Selidik
- N Surat Kebenaran Penyelidikan - KPM
- O *Measure Order* Bagi Responden Lelaki
- P *Measure Order* Bagi Responden Perempuan
- Q *I select* – PKP Berdasarkan Jantina

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan di Malaysia mempunyai matlamat umum yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Di dalam pernyataan falsafah tersebut dapat dilihat dengan jelas hasrat dan hala tuju pendidikan yang bercorak individu dan juga kemasyarakatan. Kedua-duanya adalah selaras iaitu untuk melahirkan warganegara yang cemerlang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Satu perkara yang perlu digarap dengan jelas oleh setiap sistem pendidikan adalah watak manusia yang hendak dilahirkan melalui sistem tersebut. Watak manusia yang ingin dijelmakan merupakan watak yang indah dan unggul.

Melalui Teras kedua dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006) dan Wawasan 2020, Malaysia kini sedang memasuki fasa 15 tahun yang kedua ke arah mencapai Wawasan 2020. Salah satu agenda penting kerajaan adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Oleh itu Kementerian Pelajaran mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi selain daripada melahirkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran.

Modal insan yang ingin dilahirkan akhirnya berupaya untuk berfikir secara kreatif dan kritis, berkemahiran menyelesaikan masalah dan berkeupayaan mencipta peluang- peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah.

Bina upaya akan diperkukuh untuk membangunkan modal insan yang berilmu, berkemahiran dan inovatif bagi memacu ekonomi berasaskan pengetahuan. Penekanan juga akan diberikan kepada pembangunan modal insan yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif serta memiliki etika dan nilai universal yang kukuh seperti yang digariskan dalam Islam Hadhari. Perlaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat akan terus dipergiat untuk menggalakkan peningkatan kemahiran dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Sistem penyampaian pendidikan dan latihan akan diperluas dan dipertingkat terutamanya dalam bidang teknikal dan vokasional (RMKe - 9).

Manakala dari sudut yang lain pula pelajar diharapkan menjadi individu yang seimbang dari segi pertumbuhan rohani, intelek dan jasmaninya setelah melalui sistem pendidikan formal. Oleh yang demikian, institusi pendidikan ditubuhkan adalah sebagai tempat berlakunya proses pendidikan dengan menyediakan dan melengkapkan modal insan dalam menghadapi pekerjaan.

Bagi mencapai matlamat modal insan yang sempurna, sehingga kini terdapat pelbagai kecerdasan yang dikaji dan diperkenalkan oleh pakar-pakar kepada masyarakat umum untuk meluaskan penggunaannya dalam diri masing-masing. Menurut Mohamad (2008), antara contoh kecerdasan yang ada pada hari ini ialah Kecerdasan Intelektual (*Intellectual Quotient*, IQ), Kecerdasan Emosi (*Emotional Intelligence*, EI/EO), Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligence*, MI), Kecerdasan Spiritual (*Spiritual Intelligence*, SI) dan Kecerdasan Kejayaan (*Successful Intelligence*). Namun begitu, kajian ini tertumpu kepada kecerdasan pelbagai dan berdasarkan pencapaian akademik pelajar untuk melahirkan modal insan.

1.2 Latar belakang masalah

Menurut Rahmat Ismail (2003), kecemerlangan ialah kebolehan dan kemampuan diri menggabung dan menggunakan keseluruhan potensi yang dianugerahkan Tuhan kepada setiap individu secara menyeluruh. Bagi mencapai kecemerlangan, seseorang itu harus mampu mempertimbang dan mempergiatkan pelbagai kecerdasan yang ada pada diri ke arah penjanaan minda yang kreatif dan kritis. Ini adalah untuk melahirkan modal insan yang unggul, kesejahteraan dan keharmonian kehidupan individu serta masyarakat umum sepanjang hayat.

Kecemerlangan akademik sememangnya dinilai dari keputusan peperiksaan. Ini kerana peperiksaan adalah merupakan satu cara untuk mengukur keupayaan dan kemampuan seseorang terhadap sesuatu yang dipelajari dan kemahiran yang telah ditanamkan Mohd (2004). Namun, untuk mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang bukanlah satu perkara yang mudah kerana terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang pelajar yang perlu diberi perhatian.

Antara faktor yang berpotensi tinggi dalam menyumbang kepada kecemerlangan pelajar adalah faktor kecerdasan seseorang. Seperti yang dinyatakan oleh Azizi Yahya, Yusof Boon dan Amir Hamzah (2005), iaitu secara umumnya, pencapaian akademik yang cemerlang sering dikaitkan dengan kecerdasan pelajar yang tinggi. Hasil kajian Rizal et al. (2007) mendapati bahawa Teori Kecerdasan Pelbagai (TKP) mempunyai beberapa kelebihan yang tertentu. Antara kelebihan yang boleh dikenal pasti ialah; (i) membantu pelajar memahami kemampuan (kecerdasan) mereka sendiri dan kemampuan orang-orang di sekeliling mereka, (ii) memberi tunjuk ajar kepada pelajar-pelajar tentang menggunakan sepenuhnya kekuatan (kecerdasan) dalam diri mereka dan memperbaiki kelemahan diri mereka, (iii) membina keyakinan diri pelajar, dan (iv) menyediakan untuk pelajar satu pembelajaran yang sukar dilupakan dan dengan itu juga membantu pelajar untuk belajar dengan lebih baik. Dengan menghargai kekuatan dan kecerdasan yang dimiliki oleh individu tertentu, Teori ini jelasnya menuntut setiap individu pelajar diberi peluang untuk berjaya dalam bidangnya yang tertentu.

Dapat disimpulkan bahawa seharusnya semua murid mampu mengembangkan potensi diri berdasarkan kecerdasan pelbagai dalam diri masing-masing kerana teori kecerdasan pelbagai ini boleh membawa mereka mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang kurikulum dan ko - kurikulum seterusnya dalam bidang berkerjaya nanti.

1.3 Pernyataan masalah

Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) merupakan mata pelajaran berbentuk pra vokasional yang telah digubal semula berasaskan mata pelajaran elektif Sains Pertanian,

Seni Perusahaan, Perdagangan dan Sains Pertanian (Draf Kemahiran Hidup Program Peralihan, 1989). Ia juga merupakan satu mata pelajaran amali yang berunsurkan teknologi. Ia ditawarkan kepada semua murid di Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Mata pelajaran ini dirancang sedemikian rupa untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif (Huraian Sukatan Pelajaran KHB Tingkatan 1, 2003).

Salah konsep dan salah tafsir tentang kecerdasan yang berlaku sejak zaman silam lagi telah menimbulkan mitos tertentu tentang individu yang berkebolehan tinggi ini (Storfer, 1990). Mitos tentang pelajar pintar dan berbakat meliputi pelbagai aspek kehidupan pelajar tersebut. Tujuh daripada mitos tersebut ialah pelajar pintar terdiri daripada kelompok yang bersifat sejenis, mereka adalah lebih baik daripada pelajar yang lain, berbakat dan berjaya secara bersendirian. Selain itu pelajar mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar serta kesedaran dan kawalan diri yang tinggi dan akhir sekali, pelajar pintar bebas daripada tekanan hidup dan gangguan psikologi.

Tahap kepintaran tidak boleh diukur dengan pasti atau diperjelaskan dengan tepat. Selepas tahun 1920-an, pakar-pakar psikologi terus berusaha menjalankan beberapa kajian berkenaan kecerdasan pelbagai. Hasil kajian mereka melahirkan banyak penemuan baru yang akhirnya dapat mengubah tanggapan masyarakat terhadap pelajar cerdas. Kecerdasan pelbagai merupakan suatu kebolehan yang membabitkan pelbagai domain seperti logik matematik, linguistik, interpersonal, intrapersonal, natrulis, kinestatik dan muzik.

Menurut Gardner (1983), dalam sistem pendidikan hari ini hanya menekankan kecerdasan verbal dan kecerdasan logik matematik sahaja. Dengan itu, terdapat pelajar yang mempunyai potensi diri atau kecerdasan tertentu berasa bosan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang sama di dalam kelas. Ini kerana pendekatan yang dilaksanakan oleh guru tidak memberi rangsangan yang positif kepada pelajar tersebut. Fowler (1990) pula berpendapat pelajar yang mempunyai kebolehan bahasa dan logik boleh berjaya di sekolah tetapi mereka tidak cerdas sepenuhnya apabila keluar dari lingkungan persekolahan. Dengan mengenalpasti kecenderungan dan kecerdasan masing-masing, pelajar mungkin akan lebih bersemangat untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik manakala proses pengajaran guru yang berlangsung di dalam kelas akan menjadi lebih efektif dan berkesan.

Ramai ahli-ahli psikologi telah menumpukan penyiataan mereka kepada memahami bagaimana manusia berfikir pada masa dahulu. Satu pertanyaan yang sering ditimbulkan adalah sama ada manusia boleh menggunakan apa yang diketahui tentang perjalanan minda manusia untuk mempertingkatkan kemahiran berfikir terutamanya di sekolah-sekolah. Tidak dapat dinafikan bahawa matlamat penting sistem pendidikan adalah untuk memperkembangkan daya pemikiran pelajar. Malangnya, matlamat ini tidak diberi perhatian sewajarnya dan kerap kali diketepikan sama sekali.

Kegagalan mengenal pasti kecerdasan secara kontekstual akan memberi kesan terhadap pengurusan modal insan dalam pendidikan. Dalam lain perkataan, kegagalan ini mengakibatkan pembaziran sumber manusia. Menurut Rizal (2007) pelajar sekolah yang berada dalam kelas-kelas terakhir tidak semestinya tidak cerdas. Malah mereka mungkin mempunyai tahap kecerdasan yang lebih tinggi dalam domain tertentu berbanding rakan mereka di dalam kelas yang lebih baik. Namun pelajar di dalam kelas terakhir tidak dapat merealisasikan kebolehan mereka dalam sistem pendidikan hari ini yang berorientasikan peperiksaan yang pada umumnya hanya memberi nilai yang tinggi terhadap kecerdasan verbal-linguistik dan logik-matematik semata-mata sahaja. Sekiranya pelajar seperti ini mempunyai peluang untuk menonjolkan kecerdasan mereka yang lain, pasti mereka juga boleh berjaya seperti pelajar lain. Sehubungan itu, pengkaji ingin melihat profil kecerdasan pelbagai pelajar Kemahiran Hidup serta pencapaiannya mengikut jantina.

1.4 Tujuan kajian

Dalam masyarakat Malaysia, kejayaan seseorang pelajar biasanya diukur berpandukan bilangan A yang diperolehinya dalam peperiksaan. Akibatnya, sistem persekolahan di negara ini dikatakan sebagai sistem yang terlampau menekankan peperiksaan serta mengejar sijil-sijil. Tambahan pula, sekiranya pendidik terlalu menekankan perkembangan kognitif daripada domain afektif. Yunus (2003), Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan tahap kecerdasan pelbagai pelajar Kemahiran Hidup berdasarkan jantina sekolah ini.

Kajian ini juga akan cuba melihat bahawa adakah kecerdasan pelbagai mempunyai perkaitan dengan pencapaian dan perbandingan profil kecerdasan pelbagai dengan jantina. Sekiranya terbukti kecerdasan pelbagai mempunyai

pengaruh yang besar terhadap pencapaian dan bandingan jantina, maka pihak yang berkaitan boleh mengambil langkah awal dengan mengenalpasti kecerdasan pelbagai murid dan memilih aktiviti dalam kurikulum dan ko-kurikulum supaya dapat menarik minat pelajar hadir ke sekolah, serta membantu membuat pemilihan elektif yang akan mereka ambil seterusnya dapat membantu menentukan bidang kerjaya mereka nanti.

1.5 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kecerdasan pelbagai dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Antara objektif-objektif lain yang hendak dikaji adalah seperti berikut:-

- i. Menenalpasti profil kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik pelajar Kemahiran Hidup .
- ii. Menenalpasti profil kecerdasan pelbagai pelajar Kemahiran Hidup yang paling dominan dan tidak dominan.
- iii. Menenalpasti perbandingan kelompok profil kecerdasan pelbagai mengikut jantina dalam kalangan pelajar Kemahiran Hidup.

1.6 Persoalan kajian

Terdapat empat persoalan yang perlu dijawab dalam kajian ini iaitu Kecerdasan Pelbagai dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Di SMK Dato Onn, Batu Pahat, Johor.

- i. Apakah Profil Kecerdasan Pelbagai pelajar Kemahiran Hidup serta pencapaian akademik ?
- ii. Apakah Profil Kecerdasan Pelbagai pelajar Kemahiran Hidup yang paling dominan dan tidak dominan ?
- iii. Apakah Kecerdasan Pelbagai pelajar Kemahiran Hidup yang paling dominan mengikut profil?
- iv. Adakah terdapat perbandingan Profil Kecerdasan Pelbagai pelajar Kemahiran Hidup berdasarkan jantina ?

- v. Adakah terdapat perbezaan Profil Kecerdasan Pelbagai pelajar Kemahiran Hidup berdasarkan jantina?

1.7 Skop kajian

Kajian ini dilaksanakan secara kajian tinjauan melalui soal selidik untuk mengenalpasti profil kecerdasan pelbagai murid dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Skop kajian adalah dalam kalangan pelajar Kemahiran Hidup Tingkatan Dua di SMK Dato Onn, Batu Pahat. Kurikulum mata pelajaran Kemahiran Hidup yang terangkum dalam bidang Teknik dan Vokasional bertujuan membentuk kemahiran asas dalam bidang teknikal.

1.8 Batasan kajian

Kajian yang dijalankan ini hanya merujuk kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup di SMK Dato Onn, Batu Pahat, Johor. Pada tahap ini pengkaji akan menumpukan kepada skop profil kecerdasan pelbagai pelajar terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup. Hasil kajian ini tidak boleh digunakan kepada semua pelajar dan mata pelajaran lain yang terdapat dalam sekolah. Kajian ini hanya sesuai pada responden atau sampel dalam kajian ini sahaja.

Terdapat beberapa batasan semasa menjalankan kajian ini yang mana penulis mengkaji dalam satu jangka empat bulan untuk membuat penyelidikan dan tidak dilakukan dalam jangka masa yang panjang. Oleh kerana itu hasil kajian pengkaji berdasarkan profil kecerdasan pelbagai pelajar dan melihat perbandingan profil kecerdasan pelajar berdasarkan jantina sahaja. Data yang dikumpul oleh pengkaji melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada semua pelajar Kemahiran Hidup tingkatan dua.

1.9 Kepentingan kajian

Mata pelajaran Kemahiran Hidup merupakan subjek yang dianggap penting dan perlu dipelajari oleh semua murid kerana ianya merupakan asas kepada beberapa kemahiran dalam aliran Teknik dan Vokasional. Kajian ini mempunyai signifikan yang penting dalam mengenalpasti profil kecerdasan pelbagai pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup terhadap pelajar di SMK Dato Onn.

1.9.1 Pelajar

Kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pelajar dalam membantu mengenalpasti kecerdasan pelbagai dalam diri sendiri disamping memperbaiki mutu pembelajaran serta dapat membantu memupuk minat terhadap pemilihan elektif Kemahiran Hidup.

1.9.2 Organisasi/Tempat kajian

Hasil daripada kajian ini dapat membantu pihak sekolah khususnya dan PPD Batu Pahat amnya dalam meningkatkan kualiti akademik melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini akan memberikan maklumat sejauh mana setiap pelajar

memiliki kecerdasan pelbagai dan cara berfikir, bertindak dan belajar yang berlainan elektif di kalangan pelajar.

1.9.3 Pengkaji


Kajian ini penting bagi pengkaji untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pelajar dalam proses pembelajaran. Dengan peruntukan masa bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup hanya 105 minit seminggu, pengkaji perlu merancang aktiviti dan penggunaan bahan yang sesuai dan relevan untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

1.9.4 Pengkaji-Pengkaji Lain

Dapatan ini dapat membantu pengkaji-pengkaji lain untuk menghasilkan kajian yang memfokuskan kecerdasan pelbagai melalui pelbagai kaedah dengan pelbagai latar belakang pelajar yang berbeza dari aspek kecergasan. Kajian ini menjadi panduan bagi

memenuhi pelaksanaan kurikulum yang sentiasa mengalami perubahan dengan menekankan kepada strategi pembelajaran yang berkesan sesuai dengan kehendak pendidikan masa kini dan masa depan.

1.10 Kerangka Konsep



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian Kecerdasan Pelbagai Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di SMK Dato' Onn, Batu Pahat, Johor.

1.10.1 Penerangan kerangka konsep

Kerangka konsep seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.1 memaparkan gambaran yang jelas dan menyeluruh mengenai kajian ini. Terdapat tiga komponen yang akan dikaji iaitu hubungkait matapelajaran Kemahiran Hidup, kecerdasan pelbagai dan pencapaian yang akan dikaji supaya penyelidikan ini tidak terpesong daripada skop kajian.

1.11 Definisi operasional

Kaedah yang digunakan dalam mendefinisikan konsep-konsep penting dalam kajian ini dijelaskan secara konseptual dan operasional seperti berikut:

1.11.1 Kecerdasan

Kecerdasan merujuk kepada kebolehan kognitif seseorang individu yang dipelajari dari pengalaman untuk membolehkannya membuat penyesuaian diri dalam kehidupan sehari-hari. Sebenarnya, istilah “kecerdasan” ini mula-mula diperkenalkan

oleh Sir Francis Galton. Beliau menyakini bahawa kebolehan intelek seseorang adalah bersifat penurunan, Azizi (2007).

Menurut Yunus (2003), terdapat berbagai-bagai faktor yang mempengaruhi pembelajaran seseorang itu. Salah satu faktor yang jelas dan penting ialah faktor kecerdasan. Tidak dapat dinafikan bahawa kesempurnaan pembelajaran dapat dinilai dari segi senang susahnya dan cepat lambatnya kefahaman seseorang terhadap apa yang dipelajarinya. Kefahaman ini bergantung kepada taraf kemampuan mental dan juga kestabilan emosi seseorang untuk memahami apa yang di pelajarinya.

Hasil kajian Azizi (2007), menyatakan bahawa mengkaji kecerdasan bermula dengan pembentukan ujian-ujian untuk mengukur keupayaan mental, iaitu termasuk ujian pencapaian, ujian bakat atau kebolehan (aptitude), dan ujian kecerdasan. *Ujian pencapaian* bertujuan untuk mengukur pengetahuan seseorang dalam bidang akademik, contohnya, pencapaian dalam sesuatu mata pelajaran yang telah diikuti, misalnya pelajaran matematik, kimia dan biologi. *Ujian bakat* atau *kebolehan* cuba meramalkan potensi yang dimiliki oleh seseorang dengan tujuan untuk memperolehi faedah daripada latihan akademik atau vokasional yang akan diberikan. Misalnya, seseorang itu diuji tentang kebolehan atau bakatnya dalam bidang pertukangan sebelum dilatih sebagai tukang kerana tidak semua orang mempunyai bakat dalam pertukangan. Dengan memberikan latihan kepada mereka yang tidak mempunyai bakat atau kebolehan dalam sesuatu perkara tentunya akan membawa kepada kerugian. Di Amerika Syarikat khususnya, calon-calon yang memohon memasuki university dikenakan menduduki ujian-ujian yang mengukur kebolehan dan bakat mereka ini. Di antara ujian-ujian tersebut adalah Scholastic Aptitude (SAT), American College Test (ACT), dan Graduate Record Examination (GRE). *Ujian kecerdasan* pula adalah sejenis ujian bakat yang menilai keseluruhan keupayaan mental.

1.11.2 Kecerdasan Pelbagai

Dapatan daripada Poon (2007) menyatakan Howard Gardner (1983) bahawa kecerdasan sebagai kebolehan untuk menyelesaikan masalah serta menghasilkan sesuatu yang bernilai dalam konteks sosiobudaya masing-masing, Gardner (1983) telah menyenaraikan tujuh domain kecerdasan manusia, iaitu:

1.11.2.1 Verbal-linguistik (LG)

Kebolehan menggunakan kata-kata secara berkesan dalam lisan dan penulisan. Seseorang dengan kecerdasan ini sensitif kepada makna perkataan dan mahir memanipulasinya. Mereka juga boleh berkomunikasi secara berkesan melalui aktiviti mendengar, bertutur, membaca, menulis dan menghubungkan. Mereka juga peka terhadap pelbagai fungsi bahasa terutama dari segi kebolehannya untuk merangsang emosi.

1.11.2.2 Logik Matematik (LM)

Kebolehan menaakul, menyelesaikan masalah kompleks, membuat perkaitan seperti suka menyoal, kritis, cekap membuat pengiraan, boleh membuat perbandingan, cekap menyelesaikan masalah berkaitan nombor dan menggunakan komputer. Kecerdasan ini menggabungkan kedua-dua kebolehan matematik dan saintifik.

1.11.2.3 Muzik (MZ)

Kebolehan mengesan ritma, nada dan melodi, termasuklah kemahiran mengenal lagu dan mengubah tempo dan irama dalam melodi yang mudah. Seseorang yang mempunyai kecerdasan ini juga sensitif kepada bunyi seperti suara manusia dan alat muzik. Semua orang mempunyai kecerdasan muzik tetapi pada darjah yang berbeza. Ada yang lebih berkemahiran daripada yang lain. Walau apa pun tahap bakat, kita semua mempunyai kecerdasan untuk menikmati dan menghayati pengalaman muzik.

1.11.2.4 Kinestatik Badan (KNS)

Kebolehan menggunakan badan untuk menyatakan idea, perasaan dan untuk menyelesaikan masalah termasuklah kemahiran fizikal seperti koordinasi, fleksibiliti, kepantasan dan keseimbangan. Seseorang yang mempunyai kecerdasan ini mahir dalam memanipulasi objek dan aktiviti yang melibatkan kemahiran motor halus dan

kasar. Mereka gemar aktiviti fizikal seperti menari, bermain dan bersukan serta cekap dalam aktiviti menggunakan kemahiran motor.

1.11.2.5 Visual Ruang (VR)

Kebolehan mengesan dan menggambarkan bentuk, ruang, warna dan garisan, termasuklah kebolehan mempersembahkan idea visual dan ruang secara grafik. Seorang yang mempunyai kecerdasan ini boleh membentuk gambaran dalam minda mereka dan melukisnya. Mereka juga berkebolehan dalam bidang seni dan kreatif menggunakan warna, membaca peta dan mempunyai daya imaginasi yang kuat.

1.11.2.6 Interpersonal (IEP)

Kebolehan memahami perasaan, motivasi, tabiat serta hasrat orang lain. Mereka yang mempunyai kecerdasan interpersonal boleh bekerjasama dalam kumpulan serta berkomunikasi secara lisan atau tanpa lisan dengan orang lain. Pada tahap yang mudah kecerdasan ini termasuklah kebolehan seorang kanak-kanak mengenal dan sensitif kepada 'mood' orang dewasa sekelilingnya. Kemahiran interpersonal yang lebih kompleks adalah kebolehan orang dewasa membaca hasrat orang lain walaupun secara tersirat.

1.11.2.7 Intrapersonal (IAP)

Kebolehan memahami diri sendiri dari segi kekuatan, kelemahan, hasrat dan keinginan termasuklah kemahiran membandingkan diri sendiri dengan orang lain dan mengetahui bagaimana mengawal perasaan. Mereka yang mempunyai kecerdasan ini mempunyai keyakinan diri yang tinggi terhadap kebolehan diri sendiri, mempunyai pegangan dan prinsip serta azam yang kuat dan boleh berdikari. Mereka juga boleh memahami perasaan orang lain dan mempunyai daya tumpuan dan refleksi yang tinggi.

1.11.2.8 Naturalis (NA)

Kebolehan mengenal, mengklasifikasi dan menghargai tumbuh-tumbuhan, bahan galian dan haiwan termasuk batu-batan dan rumput rampai serta semua jenis flora dan fauna. Mereka yang mempunyai kecerdasan ini juga berkebolehan melihat perhubungan dan polar yang rapat antara alam tumbuhan dan antara kehidupan haiwan.

Gardner (1999) telah mendefinisikan semula maksud kecerdasan dan seterusnya memperkenalkan kecerdasan kelapan, iaitu naturalis. Selain daripada itu, beliau turut menyatakan satu kecerdasan tambahan, iaitu kecerdasan kewujudan sendiri atau *existential*. Walau bagaimanapun, beliau belum mengesahkannya. Kajian ini menggunakan instrumen *Malaysian Multiple Intelligences Checklist for Adult* (MyMICA) yang mengandungi domain kesembilan iaitu kerohanian (KR) atau spiritual Ariffin (2005). Oleh itu kecerdasan pelbagai merupakan satu pengukuran yang lengkap dan sempurna untuk melihat bakat pelajar daripada pelbagai kecerdasan.

1.11.3 Mata Pelajaran Kemahiran Hidup

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) merupakan mata pelajaran pravokasional yang bertujuan untuk melengkapkan pelajar-pelajar dengan kemahiran-kemahiran asas secara teori dan juga praktikal yang diperlukan untuk mengendalikan kehidupan seharian dengan penuh sistematik. Mata pelajaran ini diperkenalkan pada tahun 1989. Pada tahun 1991, mata pelajaran ini dikenali sebagai Kemahiran Hidup Bersepadu dan dibahagikan kepada bahagian teras dan bahagian pilihan. Bahagian teras terdiri daripada empat komponen iaitu Kemahiran Teknikal (KT), Ekonomi Rumahtangga (ERT), Sains Pertanian (SPN) dan Perdagangan dan Keusahawanan (PK), Sukatan Pelajaran KHB (2004). Semua pelajar tingkatan satu hingga tingkatan tiga diwajibkan untuk mempelajari komponen di dalam bahagian teras, manakala salah satu daripada empat komponen pilihan, Dzulkafly (2002). Fokus kajian penulis lebih kepada KHB elektif KT dan ERT.

Berdasarkan jadual 1.1, menjelaskan tentang Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan

Malaysia yang perlu dipelajari oleh pelajar menengah rendah di seluruh negara seperti berikut :

Jadual 1.1 : Organisasi Kandungan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992)

PILIHAN	ELEKTIF	SINGKATAN
1	Kemahiran Teknikal	KT
2	Ekonomi Rumahtangga	ERT
3	Sains Pertanian	SPN
4	Perdagangan Dan Keusahawanan	PK

1.11.4 Pengajaran

Menurut Hashim (2004), pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas yang mana melibatkan antara guru dan pelajar.

1.11.5 Pembelajaran

Hasil penulisan Mohamad (2009), menjelaskan bahawa pengajaran merupakan suatu bidang seni kerana ia melibatkan emosi, nilai dan tingkah laku manusia. Teori pengajaran-pembelajaran hanya berguna apabila teori itu boleh diaplikasikan kepada sekumpulan murid secara keseluruhan sahaja dan bukan kepada setiap individu. Ini kerana setiap individu mempunyai potensi intelek, emosi, rohani dan jasmani yang tersendiri.

1.11.6 SMK Dato' Onn, Batu Pahat, Johor

Sekolah ini ditubuhkan pada 1 Januari 1966 dengan nama asalnya Sekolah Menengah Bagan Batu Pahat. Ketika penubuhannya sekolah ini menumpang di dua bangunan SK Bagan, Batu Pahat yang terletak di Batu 5 ½ Jalan Batu Pahat ke Muar. Sumber : Dinamis (2010).

1.11.7 Pencapaian

Pencapaian merupakan hasil dari pembelajaran yang diperoleh oleh pelajar setelah mempelajari ilmu pengetahuan. Secara khususnya pencapaian merujuk kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta menunjukkan satu perubahan sikap telah berlaku mengikut ukuran ujian dan peperiksaan, Shaari (2001). Dalam kajian ini pengkaji mengukur pencapaian dari segi akademik, kemahiran dan sikap terhadap sampel kajian bagi mengenalpasti profil kecerdasan pelbagai pelajar terhadap mata pelajaran kemahiran Hidup.

1.12 Rumusan

Perbincangan dalam Bab 1 ini memaparkan latar belakang kajian dan perkara-perkara asas yang perlu difahami bagi meneruskan fasa kajian yang lebih kompleks. Perbincangan ini dimulai dengan menyatakan masalah yang menjadi fokus kajian, disusuli oleh soalan-soalan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian sebelum diikuti oleh batasan-batasan kajian. Tidak ketinggalan, aspek definisi operasional turut dinyatakan bagi memudahkan pemahaman.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan mengenai teori dan penyelidikan-penyelidikan pengkaji terdahulu tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian ini. Teori, pandangan dan dapatan kajian tersebut amat penting dan berguna untuk dijadikan asas dan panduan terutamanya kepada penyelidik untuk lebih memahami permasalahan kajian.

Firman Allah S.W.T mafhumnya:

' Sesungguhnya Kami telah jadikan manusia itu dengan sebaik-baik kejadian'

At-tin: 4

Daripada ayat di atas, telah membuktikan bahawa manusia merupakan sebaik-baik kejadian yang dicipta. Di mana setiap manusia yang dicipta itu mempunyai keistimewaan serta keunikan yang tersendiri. Apa yang dimaksudkan dengan keistimewaan atau keunikan ini adalah kebolehan semulajadi yang terdapat dalam diri setiap manusia. Kebolehan semulajadi ini adakalanya dapat diketahui sendiri oleh setiap individu untuk memajukan diri sendiri. Kebolehan semulajadi yang terdapat di dalam diri seseorang individu boleh dikenalpasti seawal usia kanak-kanak lagi.

Namun masih terdapat individu yang tidak dapat mengenalpasti kebolehan semulajadi yang terdapat dalam diri mereka walaupun sudah meningkat dewasa. Ini

akan menyebabkan individu tersebut tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi kerana sering menganggap diri sebagai seorang yang lemah, serta tidak mampu untuk bersaing dengan yang lain. Menurut Hassan (2010) keadaan ini, memberikan kesan yang negatif dalam bidang pendidikan kerana tidak dapat menghasilkan insan yang mempunyai keyakinan yang tinggi dalam melakukan pelbagai perkara. Kebolehan semulajadi yang dimaksudkan ialah kecerdasan yang terdapat dalam diri seseorang individu.

Hasil kajian Mohamad (2008), menjelaskan semenjak tahun 1983, Dr Howard Gardner, Pengarah Penyelidikan Kognitif Universiti Harvard telah merumuskan tujuh jenis kecerdasan yang ada pada diri seseorang iaitu kecerdasan linguistik (kebolehan menggunakan bahasa, makna perkataan dan hubungan antara perkataan), kecerdasan spasial (kebolehan mencipta benda di dalam minda dan melahirkan gambaran itu di dalam minda), kecerdasan muzik/irama (kebolehan mengenalpasti irama, intonasi dan seni suara), kecerdasan kinestetik (kebolehan menggunakan badan fizikal dan mencipta semua perlakuan fizikal), kecerdasan logik-matematik (kebolehan untuk melakukan penakulan atau mencari sebab-musabab), kecerdasan interpersonal (kebolehan untuk berinteraksi dan memahami kemahuan, motivasi, perasaan, fikiran dan perlakuan orang lain) dan kecerdasan intrapersonal (kebolehan untuk memahami kemahuan, matlamat dan perasaan diri).

2.2 Teori Kecerdasan

Merujuk kajian Azizi (2005), menyatakan istilah kecerdasan mula diperkenalkan oleh Francis Galton pada akhir tahun 1800-an. Galton merupakan sepupu kepada tokoh teori evolusi yang terkenal, Charles Darwin. Galton percaya bahawa keupayaan intelektual adalah diwarisi, namun beliau gagal untuk membentuk ujian kecerdasan yang boleh digunakan dalam kajian. Walaupun beliau tidak berjaya dalam kajiannya, namun Galton telah memberikan ilmu psikologi dengan konsep kecerdasan.

Terdapat tujuh jenis minda ibarat yang dikaji oleh saintis tentang kecerdasan iaitu geografi, persepaduan, biologi, epistemologi, sosiologi, antropologi dan sistem. Hanya dengan penggabungan kepelbagaian ibarat akan membantu memberi kefahaman yang tinggi tentang fenomena kecerdasan dan kajian tindakan kecerdasan di masa akan datang (Sternberg dan Cianciolo, 2004)

Menurut Poon (2007), kecerdasan merupakan satu konsep yang abstrak. Konsep tersebut bersifat dinamik dan mengandungi pelbagai dimensi yang saling berkait antara satu sama lain. Kebanyakan pelajar hanya menjana kapasiti kecerdasan mereka dalam jumlah kuantiti yang sangat sedikit. Ada pelajar menfokus kepada fakta, data dan pengiraan, teori-teori dan model-model matematik, manakala ada yang menfokus kepada bentuk visual seperti gambarajah, jadual dan sebagainya. Perbezaan ini sebenarnya adalah seperti aset bagi para pelajar seandainya kelebihan atau kecenderungan yang mereka miliki itu digunakan secara maksimum setelah disedari di mana letaknya kekuatan belajar masing-masing.

2.3 Definisi teori kecerdasan

Menurut Ismail (2003), menyatakan ahli psikologi telah memberi pelbagai definisi yang berbeza bagi konsep kecerdasan. Setiap definisi memberi penekanan pada kebolehan dan kemahiran tertentu yang penting, antaranya ialah Alfred Binet (1916), beliau sebagai pelopor dalam menyusun ujian kecerdasan yang berpendapat bahawa kecerdasan terbahagi kepada tiga aspek kemampuan iaitu:

- a) “*Direction*”, kemampuan untuk memusatkan kepada masalah yang hendak diselesaikan.
- b) “*Adaptation*”, kemampuan untuk mengadakan adaptasi terhadap masalah yang dihadapinya atau fleksibel dalam menghadapi masalah.
- c) “*Criticism*”, kemampuan untuk mengadakan kritikan, baik terhadap masalah yang dihadapi mahupun terhadap dirinya sendiri.

Menurut Edward Thorndike (1913) dalam Azizi (2010), kecerdasan adalah kemampuan individu untuk memberi respon yang tepat terhadap stimulus yang diterimanya. Menurut David Wechsler (1958), kecerdasan sebagai kemampuan yang menyeluruh untuk bertindak secara sengaja, berfikir secara rasional, dan berurusan secara berkesan dengan persekitaran. Mengikut Piaget (1950), kecerdasan adalah kebolehan individu membuat adaptasi pada persekitaran fizikal dan sosial.

Menurut Mohamad (2008), ahli psikologi pula menterjemahkan kecerdasan dengan memberi makna kebolehan untuk mengurus proses kognitif, melibatkan proses penangapan, pembinaan konsep, pentaakulan, penilaian dan penyelesaian masalah terletak pada kecerdasan yang dikaji serta diperkenalkan oleh ahli psikologi dan perkembangannya yang begitu meluas. Antara kecerdasan tersebut ialah :

- i) Kecerdasan Intelektual (*Intellectual Quotient, IQ*)
- ii) Kecerdasan Emosi (*Emotional Intelligence, EI/EQ*)
- iii) Kecerdasan Spiritual (*Spiritual Intelligence, SI/SQ*)
- iv) Kecerdasan Kejayaan (*Successful Intelligence*)
- v) Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligence, MI*)

2.4 Teori Kajian

Hasil kajian Ibrahim (2007) merumuskan dengan menggunakan Gardner Multiple Intelligences, Lazear (2004) menyatakan bahawa kecerdasan pelbagai adalah kebolehan individu untuk meyelesaikan sesuatu masalah, mencipta sesuatu produk yang berkualiti dan dapat menyumbang kepada masyarakat setempat atau global. Mengikut teori ini seseorang manusia memiliki pelbagai kecerdasan. Kecerdasan ini tidak terhad kepada satu sahaja iaitu, IQ “kecerdasan seseorang itu boleh berubah mengikut masa dan kematangan”. Ini bermakna kecerdasan boleh diajar dan dikembangkan.

Jadual 2.1: Profil kecerdasan Pelbagai (Gardner 2004).

JENIS KECERDASAN	PENERANGAN
Muzik	Dapat menikmati, membuat persembahan atau mencipta karya seni muzik dan peka kepada <i>pitch</i> ,ritma,melodi atau bunyi-bunyi persekitaran.
Lojikal Matematik	Berupaya menggunakan angka secara berkesan, menaakul secara deduktif atau induktif. Mengenal pasti serta memanipulasi pola-pola abstrak dan hubungan corak.
Interpersonal	Boleh memahami orang lain, menyedari tentang objektif, motivasi,tujuan dan dapat berkerjasama dengan orang lain secara berkesan. Berupaya memahami emosi, matlamat,tujuan,kekuatan dan kelemahan secara sendiri
Naturlis	Peka tentang pola dan corak persekitaran dan alam semulajadi, serta mampu menyerap, menjelas dan mengingati ciri-ciri alam semulajadi secara terperinci
Kinestetik	Berkemampuan mengguna seluruh anggota badan untuk melahirkan idea dan meluahkan perasaan dan menggunakan tangan untuk mengubah sesuatu.
Visual Ruang	Boleh mencipta imej grafik bagi menjelaskan dan memanipulasikan sesuatu yang digubah secara mental.
Lingustik	Boleh menggunakan bahasa dengan berkesan secara lisan dan penulisan
Intrapersonal	Boleh memahami perasaan, matlamat, kekuatan dan kelemahan sendiri.

2.4.1 Teori kecerdasan pelbagai

Menurut Poon (2007), TKP didefinisikan sebagai satu set kemahiran yang membolehkan individu menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi dalam kehidupannya. Ia telah merangkumi kebolehan mencipta barangan atau perkhidmatan yang bernilai dalam lingkungan budaya seseorang individu dan potensi seseorang untuk mencari dan mencipta masalah yang membolehkan individu memperolehi pengetahuan baru. Ramai orang yang bertanggung salah terhadap teori kecerdasan ini dengan menyatakan bahawa seseorang individu hanya mempunyai satu jenis kecerdasan sahaja dan kecerdasan ini adalah tetap. Sebenarnya, kecerdasan boleh dipelajari dan sentiasa berubah sepanjang hayat. Setiap individu sekurang-kurangnya

mempunyai lapan jenis kecerdasan kerana otak manusia adalah unik sebagaimana uniknya garis-garis urat pada ibu jari manusia.

TKP merupakan satu teori yang penting kerana teori ini mempunyai hubungkait yang rapat dengan bidang pendidikan. Adalah diakui setiap murid memiliki pelbagai kecerdasan dan cara seseorang murid berfikir, bertindak dan belajar adalah berlainan berbanding dengan murid yang lain. Melalui Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) telah merungkai mengapa TKP perlu diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara faktornya ialah :

- a) Menyokong pembelajaran yang bersepadu dan menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan keperluan murid. Disamping menghasilkan pelajar yang seimbang, model TKP membantu murid memperolehi apa yang perlu untuk hidup pada abad yang akan datang dengan kemahiran berfikir, perancangan reflektif (kemahiran interpersonal), kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi dan kolaboratif dan mencintai dan menjaga alam sekitar. Model TKP dapat membantu kita menganjakkan fokus dari isi kandungan kepada hasil pembelajaran generik yang lebih penting dan berguna kepada murid.
- b) Menerima persamaan dan perbezaan antara individu dan mengakui bahawa setiap murid adalah unik dan belajar dengan cara yang berlainan. TKP membantu guru memahami motivasi murid dan kepentingan menggunakan pelbagai cara murid dapat belajar dan menunjukkan kefahaman mereka. Maka dengan ini murid lebih bermotivasi untuk belajar dengan selesa dengannya. Guru juga perlu pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran supaya lebih ramai murid boleh belajar dengan cara yang sama.
- c) Meningkatkan kecerdasan pelbagai seseorang dan menyedari potensinya tidak terbatas. TKP membantu guru memahami pengaruh terhadap kecerdasan murid kerana kecerdasan boleh dipupuk dan dipengaruhi oleh faktor pengalaman, budaya dan motivasi. Oleh itu murid akan mengetahui bagaimana mengenalpasti minat mereka dan bagaimana mereka belajar dengan lebih berkesan.
- d) Meningkatkan harga diri, kreativiti dan motivasi melalui pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Tinjauan di sekolah yang mengamalkan TKP mendapati bahawa Guru dan murid seronok datang ke sekolah,

dengan penurunan kadar ponteng kelas. Pencepatan pembelajaran berlaku. Masa mengajar suatu mata pelajaran dapat dikurangkan dan prestasi meningkat bagi mata pelajaran tersebut. Harga diri dan moral murid meningkat. Kes salah laku dan gangguan kelas berkurang atau tiada sama sekali. Murid bermasalah belajar dan murid lembam dapat meningkatkan tahap pencapaian mereka.

- e) Meningkatkan profesionalisme guru dan menggalakkan motivasi dan penyelidikan baru dalam pengajaran dan pembelajaran. Penerapan TKP di sekolah akan dapat menghasilkan guru yang mempunyai tanggung jawab dan akauntibiliti sepenuhnya dalam proses dan isi kandungan pengajaran. Meningkatkan kualiti latihan guru yang bukan hanya sekadar menyebarkan pengetahuan dan maklumat tetapi memupuk semangat baru terhadap perguruan. Menggalakkan inovasi dan penyelidikan baru dalam pengajaran dan pembelajaran.
- f) Mempelbagaikan cara penilaian. Penilaian lebih bersifat adil kerana mengambil kira kelapan - lapan cara kecerdasan (*intelligence fair*) dan tidak tertumpu hanya dua kecerdasan sahaja. Murid mendapat peluang menunjukkan kefahaman mereka tentang sesuatu isi kandungan atau kemahiran dalam pelbagai cara. Melalui penilaian guru mengetahui kekuatan dan kelemahan murid dan dengan itu dapat merancang pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.
- g) TKP dapat mewujudkan suasana kolaboratif di sekolah. TKP mewujudkan sekolah yang menerima dan menghargai kecerdasan dikalangan murid dan guru. Di sekolah demikian, guru akan merancang secara kolaboratif dengan menggunakan kerangka TKP untuk menyediakan kurikulum yang diperkaya dengan penuh rangsangan (*enriched enviroment*). Menghargai sumbangan yang berbeza oleh setiap guru dari segi perancangan, organisasi dan pelaksanaan kurikulum. Mengambil tanggung jawab secara kolaboratif ke atas pembelajaran murid. Di sekolah sedemikian murid dan guru lebih bersedia untuk mengambil risiko dan menjana sokongan masyarakat yang sangat diperlukan untuk mencapai hasil yang diinginkan.

Teori Kecerdasan Pelbagai yang diasaskan oleh Howard Gardner (1983) menyatakan bahawa manusia mempunyai sekurang-kurangnya lapan kecerdasan yang merangkumi pelbagai kebolehan, keupayaan, bakat atau kemahiran yang wujud secara semulajadi. Lapan peringkat kecerdasan yang dikenal pasti ialah visuallinguistik, logik-matematik, visual-ruang, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis (Gardner dalam bukunya *Frames of Mind-The Theory*). Gardner menjelaskan bahawa setiap kecerdasan adalah berasingan dan tidak saling bergantung, seseorang mungkin lemah dalam sesuatu bidang kemahiran tetapi cemerlang dalam bidang kecerdasan yang lain. Menurut beliau, setiap individu mempunyai kelapan-lapan kecerdasan tetapi pada darjah atau kadar yang berbeza-beza dari segi kekuatan dan kemahiran. Kecerdasan tersebut boleh diperkembangkan menerusi pendidikan, pengalaman dan persekitaran.

2.5 Kajian – kajian kecerdasan pelbagai

Gardner (1983) menyatakan bahawa pelajar yang cerdas dalam logik matematik mampu menyelesaikan masalah dengan urutan satu persatu, simetri, logik dan nombor. Hasil kajian Ibrahim (2007), Thomes Armstrong (2000), memberi tumpuan kepada jenis kecerdasan pelbagai berdasarkan inventori linguistik, logik matematik, Visual ruang, kinestetik, muzik, interpersonal. Armstrong juga kreatif menyesuaikan istilah kecerdasan pelbagai sebagai “*Armstrong’s multiple Intelligences Pizza*” iaitu pizza kata, logic, gambar, badan, muzik orang dan diri.

Menurut Md Zin (2006), Lazear (2004) telah mempermudah kecerdasan pelbagai sebagai “*Seven Ways Of Knowing*”. Beliau juga memperkembangkan kecerdasan pelbagai sebagai “*Seven Ways Of Teaching*” dan seterusnya sebagai “*Seven Pathways Of Learning*” dan Motah (2008), kecerdasan pelbagai antara faktor yang boleh mempengaruhi penyediaan dan persembahan pelajar dalam tugas mereka. Perkaitan antara kecerdasan pelbagai dan penggunaan kemahiran generik memerlukan kajian lanjutan.

Kajian Malm (2001) yang mendapati kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan interpersonal adalah dominan dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Malah dalam kajian yang dijalankan oleh Schirduan (2001), Franzen (1999) dan Harms (1998) membuktikan kecerdasan naturalis paling dominan dalam kalangan pelajar sekolah berbanding pelajar yang telah meninggalkan sekolah

Hasil kajian Hassan (2010), menyatakan dalam kajian Kecerdasan Pelbagai di peringkat Pra sekolah bahawa Kecerdasan pelbagai seharusnya bermula di peringkat kanak-kanak. Bermulanya di peringkat ini, akan terserlah kecerdasan yang terdapat dalam diri kanak-kanak. Namun, sekiranya tiada usaha untuk mengembangkan lagi kecerdasan yang mereka miliki ini, maka kecerdasan mereka tidak akan dapat berkembang dengan baik seterusnya akan menyebabkan mereka akan jadi kurang berkeyakinan dalam menghadapi dunia yang penuh dengan cabaran ini. Oleh itu, guru-guru haruslah mengenalpasti kecerdasan yang dimiliki oleh kanak-kanak ini supaya dapat membantu mereka memajukan diri dalam pelbagai aspek.

Manakala menurut kajian Ariffin *et al* (2004) dapatan kajian menyokong kajian-kajian lepas bahawa seseorang individu mempunyai pelbagai kecerdasan. Pengkaji mencadangkan supaya elemen kecerdasan pelbagai perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan di institusi-institusi pengajian tinggi, seterusnya merangka satu pentaksiran kecerdasan yang tidak hanya mentaksir IQ menyeluruh supaya merangkumi kesemua potensi manusia, sebagaimana sekarang. Dapatan ini bertepatan dengan ciri-ciri individu yang cerdas linguistik kerana selain pandai berbahasa, mereka mampu bercerita dengan baik serta pandai berjenaka. Kesannya, kemahiran berinteraksi dan memahami orang lain menjadi lebih mudah. Selain itu, korelasi paling kukuh adalah antara domain verballinguistik dengan interpersonal. Dapatan ini turut dipersetujui dengan kajian Ibrahim (2007) dan Md Zin (2006).

Di Malaysia, ada usaha yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan untuk menghasilkan satu instrumen yang kontekstual dengan negara ini. Profesor Madya Dr. Siti Rahayah Ariffin dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengetuai satu projek khas dan berhasil mencipta satu instrumen yang diberi nama MAMIT (*Malaysian Adolescent Multiple Intelligence Test*). Instrumen ini mengukur sembilan jenis kecerdasan kesemuanya termasuk kecerdasan spiritual. Menurut Rizal (2007) walau bagaimanapun, instrumen ini tidak dikhususkan untuk responden yang beragama Islam semata-mata, namun ia menjadi alat ukur yang penting dalam konteks Pendidikan Islam di Malaysia. Instrumen tersebut setidaknya-tidaknya menjadi perintis kepada satu instrumen baru pada masa akan datang yang boleh dikembangkan khusus untuk diaplikasikan atas orang-orang Islam sahaja .

(Ariffin *et al* 2006; Ibrahim *et al* 2005; Ariffin *et al* 1996) Dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar remaja dalam kajian ini, memperoleh skor min tertinggi

RUJUKAN

- Abd .Hamid, M. A. (2004) *EQ:Panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. Edisi Pertama. Pahang:PTS Publication Dan Position Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid (2006). Tahap kecerdasan emosi EQ dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar politeknik KPT". UTHM: Tesis Sarjana.
- Abdul Ghafar, M. N. (2006)*Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Keenam. Skudai Johor. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003)*Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Raub. (2006). *Pola Kecerdasan Pelbagai Di Kalangan Pelajar Pintar Cerdas*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis
- Agustian, A. G. (2007) *Rahsia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi Dan Spiritual (ESQ)*. Jakarta: Penerbit Arga.
- Ariffin, (2004). Analisis kecerdasan pelbagai (multiple intelligences) di kalangan pensyarah di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT). *Jurnal Teknologi* 41: 33-42.
- Ariffin, et. (2005). Manual penggunaan Malaysian Multiple Intelligences Checklist for Adult (MyMICA). Laporan penyelidikan Pusat Pengurusan Penyelidikan

dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia: 35-55.

Ariffin & et. 2000. The Implementation of School-Based Formative Evaluation for Bahasa Malaysia and Mathematics. *Jurnal Pendidikan* 23: 27-40.

Ariffin et. (2006). Faktor Kontribusi Kecerdasan Pelbagai dalam Kalangan Pelajar Remaja. *Jurnal Pendidikan* 33(2008)35-46

Ariffin, S. R. at al , (2004) *Analisis kecerdasan pelbagai (multiple intelligences) di kalangan pensyarah di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT)*. *Jurnal Teknologi* 41: 33-42.

Ariffin S.R. at al, (2005) *Manual penggunaan Malaysian multiple intelligences checklist for adult (MyMICA)*. Laporan penyelidikan. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi. Universiti Kebangsaan Malaysia: 35-55.

Azizi, Y. at al, (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Pahang. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Azizi, Y. et (2005), *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Pelajar*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Benjamin Y. & Hochberg Y. (1995). Controlling the false discovery rate : & practical and powerful approach to multiple testing. *Journal of the Royal Statistical society. B*, 57, 1,289-300.

Bond & Fox, (2007). *Applying the Rasch Model*. Fundamental Measurement in the human sciences, Second edition, Published Psychology Press.

Chua, Y. P. (2006) *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 2: Asas Statistik Penyelidikan. Kuala Lumpur.

Dzulkafly, A. (2002) *Pengaplikasian Kemahiran Berfikir secara kritis dan kreatif dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di Lapan Buah Sekolah Kuala Kangsar*. UTM . Projek Sarjana Muda.

Dinamis, (2010) SMK Dato Onn. Edisi 10. Majalah Sekolah

Hamzah, et. (2006). Girl's overachievement in the Mathematics National Examination: Can type of items be the cause? *Journal of Science and Mathematics Education in Southeast Asia*. 29(2).

Hamzah. (2007). Gender-related Differential Item Functioning (GDIF) on the Malaysia public examination. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hashim S. & Yaakub, R. (2004) *Psikologi Pembelajaran & Personaliti*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Hassan, J. (2010) dan Mohd Idrus, A. *Kecerdasan Pelbagai Di kalangan Kanak-kanak Pra Sekolah Serta Strategi Pengajaran Yang Digunakan Untuk Mengajar Kanak-kanak Prasekolah*. Suatu Kajian Kes. UTM.

Hassan, A. F. (2008) *Pemikiran keseluruhan Otak (Dalam Pengurusan Pendidikan Dengan kecerdasan Emosi (Emotional intelligence-E.Q))*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Ibrahim, M. Z. (2007) *Hubungan Kecerdasan Pelbagai, Gaya Pembelajaran Dan Pencapaian Akademik Guru Pelatih*. Jabatan Penyelidikan Dan Inovasi. Thesis Ph.D.

- Ibrahim. (2005). Evaluate of Performance Based Assessment. *Proceeding for Seminar on Best Practices and Innovation*. 2005. Ministry of Education Malaysia. 1-17.
- Ismail, R. (2003) *Tinjauan Kecerdasan Spiritual (SQ) Terhadap Permasalahan Sosial Di Indonesia*. Penerbit Makalah 7.
- Jabatan Perdana Menteri, (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010)*.
- Jabatan Perdana Menteri, (2006). *Rancangan Malaysia Ke 9 (2006-2010) Unit Perancang Ekonomi*. Jabatan Perdana Menteri Putrajaya.
- Juhari, S. P. (2003) *Pengaruh Faktor Minat, Keluarga, Role Model dan Jangkaan Gaji Terhadap Pelajar wanita Dalam menentukan Bidang Kejuruteraan Sebagai suatu Kerjaya masa Hadapan*. Tesis Master. KUiTHO.
- Kementerian pelajaran Malaysia, (2001) *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pusat Perkembangan Kurikulum*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Konting, M. (2005) *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohamad, F. (2008) *Kecerdasan Kejayaan dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Kejuruteraan*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Tesis Sarjana.

Mahmod ,et. (1996). Development of Diagnostic Test for Mathematics Form One.

Jurnal Pendidikan 21: 99-108.

Malm, N. W. 2001. Distribution of *Gardner's multiple intelligences among student and faculty in associate degree career programs*. Tesis Ijazah Doktor Pendidikan. Dissertation Abstracts International. Vol. 62-01.

Md Zin, A. (2006) *Tinjauan kecerdasan pelbagai di kalangan pelajar tingkatan Empat*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana.

Mc Millan, J.H & Schumacher, (S). (2001). *Reserch In Education: A Conceptual Introduction* (5th.ed) New York: Longman.

Mohd, H. (2004) *Strategi Lulus Peperiksaan Dengan Cemerlang*. Kuala Lumpur : Saripati Malaysia Sdn Bhd.

Mohamad, B. (2009) *Pengajaran pembelajaran dan gaya pembelajaran*. Jabatan Pendidikan Ikhtisas Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM.

Muhamad, W. N. (2007) *Yakin Diri 9 Jalan Cerdas Emosi dan Cerdas Spritiual*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.

Organisasi Kandungan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Pusat
Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (2004)
Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan Satu.Hulu
Kelang : Dewan Bahasa dan Pustaka

Pasiak, T. (2008). "Revolusi IQ.EQ.SQ". Selangor. PTS Millenia Sdn. Bhd.

Poon, C. K. (2007) *Pola Kecerdasan Perlbagai Di kalangan Pelajar Pintar*

Cerdas. UTM. Tesis sarjana.

Prijosaksono, A. dan Emingpaja, I. (2003) *Spiritual Dan Kualiti Hidup*”,
Indonesia: Sinar Harapan.

Radin Jaffar (2003). *Kecerdasan Pelbagai dan Personaliti di Kalangan Pelajar
Tingkatan 4 Aliran Sains di Sekolah Aminuddin Baki, Johor Bahru. Satu
Kajian Kes*. Universiti Teknologi Malaysia : Journal Peringkat Sarjana
Muda.

Rizal A. dan N. Hairul, (2007) *Konsep Keadilan Dalam Teori Kecerdasan Pelbagai
Menurut Persepektif Islam*. Pendidikan Psikologi Jilid 7. Bil 2 .

Salleh, A. dan Zaidatun, (2001) *Pengenalan Kepada Analisis Data
Berkomputer: SPSS 10.0 For Windows*. Kuala Lumpur. Venton
Publishing.

Schirduan, V. M. 2001. *Elementary students with attention Deficit Hyperactivity
Disorder (ADHD) in schools using multiple intelligences theory:
ntelligences, self-concepts, and achievement*. Tesis Doktor Falsafah
Pendidikan. Universiti Hartford.

Shaari, S. (2001) *Hubungan Dengan Pencapaian Akademik Dan Kegiatan
Kokurikulum Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D. UUM.

Sternberg, R. J. (1996). “Sucessful Intelligence” New York Simon & Schuster.

Sulaiman, et. (2011). An Analysis Of Teaching Styles in Primary and Secondary
School Teachers based on the Theory of Multiple Intelligences. *Journal of
Social
Sciences*, 428-435

Sulaiman, et. (2011). Philosophical Approach in Applying Multiple Intelligence in

Teaching and Learning as viewed by Malaysian School Teachers. *International Journal of Business and Social Science, Vol.2.*

Sulaiman, et. (2011). Intergrating Multiple Intelligences and Technology into Classroom Instruction to Transform Instructional Practice in Malaysia. *Journal of Language Teaching and Research, vol. 2 (no.5), 1146-1155*

Sulaiman, et. (2011). The Role of Multiple Intelligences and Creativity in Students Learning Style. *International Journal Sustainable Development, 85-94*

Wiersma, W. (2000). *Research Method In education: An Introduction*. Boston: Allyn

Yamin, S. (2006) *Statistik Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Fakulti Pendidikan UTM Skudai.

Yunus Z., (2003) *Kajian Untuk Mengenalpasti Tahap Ciri-ciri Kecerdasan Emosi (EQ) Dikalangan Pelajar Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran* Kolej Universiti Tun Hussein Onn, Tesis Sarjana.

Zainal, A. (2005) *Keperluan Latihan Berdasarkan Analisis Tugas Pengurus SAJ Holding*. UTM, Tesis Sarjana.